

15/01/2001

Penguasaan lebih satu bahasa ada kelebihan

PADA era penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dianggap penting untuk mengejar kemajuan, tanggapan bahawa mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris mencabar nilai patriotisme rakyat anehnya masih menebal di kalangan individu dan kelompok tertentu. Hairannya, golongan ini jugalah yang berasakan mereka lebih berilmu pada ketika orang lain akan melihat mereka sebagai memiliki tanggapan salah kerana beranggapan mempelajari bahasa Inggeris bermakna kurang setia dan tidak patriotik. Sebagaimana ditegaskan sebelumnya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang nasionalis itu adalah seorang yang sudah menguasai semua pengetahuan dan kemahiran dan mampu mencabar seluruh dunia. Itu adalah nasionalis yang sebenarnya.

Ketaksuban golongan pencinta bahasa Melayu mempertahankan martabat dan keagungan bahasa kebangsaan itu mudah difahami. Sesudah kejayaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah serta penggunaannya turut diperluaskan ke mahkamah, sebarang langkah untuk mempertingkatkan semula penggunaan bahasa Inggeris mungkin dilihat mereka sebagai langkah ke belakang. Namun, itu adalah tafsiran mereka yang tidak semestinya dipersetujui orang lain. Secara mudah, bantahan mereka terhadap usaha kerajaan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris serta meninggikan kualiti dan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar dan rakyat, boleh didasarkan kepada kekeliruan mereka semata-mata. Ia sebenarnya tidak langsung bermaksud kerajaan mahu mengubah taraf dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara.

Orang Perancis yang dahulunya amat taksud dengan bahasa mereka, hari ini mengakui kepentingan penguasaan bahasa Inggeris untuk menguasai ilmu. Jepun dan Korea Selatan, yang memberatkan penggunaan bahasa ibunda di sekolah dan universiti, sudah membuka pintu seluas-luasnya kepada kedatangan tenaga pengajar bahasa Inggeris. Malah, kaum Cina di Malaysia juga menggunakan bahasa Cina beserta dialek masing-masing untuk urusan tidak rasmi dan berbahasa Inggeris ketika di pejabat. Jika contoh berkenaan tidak diikuti, kerugiannya akan ditanggung oleh tidak lain daripada orang Melayu sendiri.

Laporan sebelum ini bahawa mutu pendidikan, terutama bahasa Inggeris di sekolah awam dan universiti tidak cukup baik bagi mengekal dan menyediakan negara pada masa depan, terutama untuk ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi), adalah satu hakikat yang harus diterima. Namun, tidak banyak perubahan yang akan dilihat berlaku jika orang Melayu sendiri enggan keluar daripada sentimen perkauman yang sempit. Pilihan yang ada sebenarnya ialah sama ada kekal dengan cara sekarang atau melakukan sesuatu untuk mengatasinya. Penguasaan lebih daripada satu bahasa tentunya satu kelebihan tanpa sedikit pun menjejaskan patriotisme seseorang. Sebarang sikap berlawanan bukan saja tidak akan memberi sebarang keuntungan, malah akan menyebabkan orang Melayu sendiri terkebelakang.

(END)